



**KENYATAAN MEDIA YB. TUAN PHEE BOON POH**  
**BERHUBUNG PENANGGUHAN PEMBAYARAN**  
**PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS FASA 1 TAHUN 2020**  
**(03 MAC 2020)**

---

Seperti semua sedia maklum mengenai wabak covid-19 yang semakin membimbangkan orang ramai khususnya ancaman gelombang kedua yang menyaksikan peningkatan kepada 129 kes positif COVID-19. Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMK) Bil/2020 pada 11 Mac 2020 memutuskan untuk menangguhkan pembayaran Program Penghargaan Warga Emas Fasa 1 Tahun 2020. Keputusan ini dibuat dengan mengambilkira saranan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang untuk tidak menggalakkan orang ramai berkumpul dalam tempoh yang lama sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19.

Walau bagaimanapun, sebagai kerajaan yang prihatin kepada kebajikan rakyat, Kerajaan Negeri telah menyediakan alternatif **BAYARAN SECARA TERUS KE AKAUN BANK PENERIMA (Electronic Funds Transfer, EFT)**. Bagi penerima yang telah menerima notis makluman bayaran, Kerajaan Negeri akan mengambil beberapa langkah seperti berikut:-

- (i) Menghantar mesej melalui sistem pesanan ringkas (SMS) menggunakan kaedah SMS *Blasting*;
- (ii) ADUN/Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) melalui Pusat Khidmat akan cuba mengenalpasti pemohon yang tiada maklumat lengkap (tiada nombor telefon dalam sistem) di kawasan masing-masing;

Jesteru itu, orang ramai boleh mendapatkan borang EFT yang telah disediakan di Pusat Khidmat ADUN/PPK dan Pejabat Daerah dan Tanah bagi membolehkan pembayaran dilakukan dalam tahun semasa.

Semoga dengan langkah ini dapat mencegah penularan wabak di kalangan orang ramai. Kesihatan dan kebajikan rakyat Pulau Pinang adalah menjadi keutamaan Kerajaan Negeri.

**PHEE BOON POH**  
**EXCO KEBAJIKAN, MASYARAKAT PENYAYANG**  
**DAN ALAM SEKITAR**